

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home &gt; Berita Harian &gt; 11 November 1991 &gt; Page 10 &gt; Perginya sasterawan nasionalis

## Perginya sasterawan nasionalis

Berita Harian, 11 November 1991, Page 10

Article also available on Microfilm Reel NL17731

★ Add to Citation

&lt; Previous Article

Next Article &gt;

&lt; Previous Page

Next Page &gt;

# Perginya sasterawan nasionalis

## BELASUNGKAWA

**D**ARAH dan tinta kebangsaan. Dua nilai ini mengisi watak dan sumbangan Ishak Haji Muhammad atau Pak Sako selama lebih enam dekad.

Pemergiannya Khamis kelmarin dianggap satu kehilangan besar kepada semangat kebangsaan dan persuratan Melayu, terutama di Malaysia.

Dilahirkan pada 14 September 1909, anak kelahiran Temerloh, Pahang, ini telah mencatatkan kejayaan sebagai anak Melayu pertama lulus peperiksaan Senior Cambridge.

Namun, Allahyarham meletak jawatan mulia sebagai majistret di Kuala Lumpur pada 1935 untuk mengalihkan perhatian ke arah membebaskan tanah-airnya daripada penjajahan.

Allahyarham memilih sastera dan kewartawanan untuk mendorong semangat kebangsaan.

Allahyarham kemudian menjadi guru bahasa kepada para pegawai Inggeris dan selepas itu mengembara ke seluruh Semenanjung.

Peluangnya menjadi

### Information

Newspaper:  
Berita HarianDate:  
11 November 1991Reel Number:  
NL17731

Scroll to Top

Share

### Table of Contents

&lt; Previous | Page 10 ▾ | Next &gt;

#### Tarekat Ahmadiyah utamakan amalan tasauif

Tarekat Ahmadiyah utamakan amalan tasauif BAHASA BUDAYA Kelolaan MOHD RAMAN DAUD AKHIR-


#### Perginya sasterawan nasionalis

Perginya sasterawan nasionalis BELASUNGKAWA DARAH dan tinta kebangsaan. Dua nilai mi mengisi

#### Halaman 10 Iklan Ruang 1

1775 Jawatan Drebar/ Kerja Kiriman/ Despatch Sebuah syarikat borong yang mantap memerlukan LELAKI

View Full Table of Contents &gt;




wartawan iaitu pengarang dan penterjemah bermula di *Warta Malaya* di Singapura dalam 1937.

Tidak lama lahirlah novel satiranya, *Putera Gunung Tahan* yang membi-das sikap orang Melayu dan menyindir Inggeris.

Allahyarhamlah orang yang pertama bercita-cita menerbitkan akhbar *Utusan Melayu*.

Setelah berhenti dari *Warta Malaya*, Allahyarham terus 'berkempen' untuk mendapatkan sokongan bagi cita-citanya.



Antara lain atas usahanya, maka pada 29 Mei 1939, lahirlah *Utusan Melayu* pimpinan Abdul Rahim Kajai yang bergelar 'bapa kewartawanan Melayu'.

Dalam 1941, Ishak terlibat dalam gerakan Kesatuan Melayu Muda dan pihak Britain menangkapnya.


Allahyarham bebas apabila Jepun menduduki Singapura dan dijadikan pengarang akhbar *Berita Malai* di samping menyumbangkan rencana dan cerpen kepada *Semangat Asia* dan *Fajar Asia*.




Allahyarham semakin aktif dalam politik dan menganggotai Parti Kebangsaan Melayu Malaya yang ditubuhkan dalam 1945 tetapi diharamkan tiga tahun kemudian berikutan perintah Darurat.

Allahyarham ditangkap dan ditahan di penjara Pudu, Kuala Lumpur.

Allahyarham pernah bertugas sebagai penulis skrip dengan Malayan Film Unit dan menjadi ketua pengarang akhbar *Semenanjung*.



Ishak gagal menjadi calon Front Sosialis di Temerloh. Sewaktu konfrantasi Indonesia-Malaysia, Allahyarham dipenjarakan.



Sepanjang hayatnya, Ishak telah menghasilkan kurang 30 cerpen dan puluhan novel tetapi tiga novel dianggap penting iaitu *Putera Gunung Tahan*,

*Anak Mat Lela Gila* (1943)

yang dianggap karya besarnya yang paling berjaya sebelum perang dan berbau satira dan *Jalan Ke Kota Bharu* (1956).


Karyanya penuh penguapan cita-cita politik. Pokok persoalannya, sebagaimana kata murid dan rakannya, wartawan veteran A. Samad Ismail, adalah mengenai pembelaan rakyat jelata. Tidak hairaniah karyanya seperti mengajar (didaktik).

Ruangan pojoknya di akhbar *Utusan Zaman* iaitu *Renungan Pak Sako* menambat perhatian pembaca. Sehingga pada usia lanjutnya, Allahyarham terus menulis, termasuk dalam majalah humor, *Gila-Gila*.

Kerana jasanya, Allahyarham dianugerahi Pejuang Sastera oleh kerajaan Malaysia, diberi gelaran Datuk oleh kerajaan Pahang dan Doktor Kehormat oleh Universiti Malaya.

Namun, seperti kata penulis Osman Abadi, anugerah ini belum mencukupi untuk mengenang jasa Pak Sako.

Allahyarham dikatakan tidak dapat meraih Anugerah Sasterawan Negara Malaysia kerana hasil kreatifnya telah lama terhenti.



**Allahyarham Ishak Haji**



**Muhammad atau Pak Sako (*kiri*) meninggal dunia pada Khamis lalu. Namun jasa sebagai wartawan, sasterawan dan pejuang kemerdekaan Malaysia akan tetap dikenang. Semasa hayatnya beliau adalah pelajar cemerlang, dan tokoh yang menggunakan ketajaman mata penanya untuk mengajukan semangat kebangsaannya.**

## Related Articles



**Rahim Kajai bimbing ramai penulis muda**

*Berita Harian 12 July 2002*

Rahim Kajai bimbing ramai penulis muda  
SURAT KHABAR Oleh Sulaiman Jeem...

**Tokoh yang wajar diberi penghormatan**

*Berita Harian 11 August 1991*

Tokoh yang wajar diberi penghormatan  
Pak Sako (Dr Ishak Haji Muhammad)...

**Tahun-tahun subur majalah**

*Berita Harian 30 September 1991*

Tahun-tahun subur majalah 1936-37  
nampakkan saingan sengit di kalangan...

National Library Board

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2023 Government of Singapore  
Last Updated 2019-10-29